

Lawatan Sambil Belajar Dedah Peluang Kepada Murid Tingkatan 5 SMK Rancha- Rancha



Labuan – Pada 13 hingga 16 April yang lalu, Unit Bimbingan dan Kaunseling, Bidang Kemanusiaan dan Bidang Vokasional Teknik SMK Rancha-Rancha telah bekerjasama menganjurkan Program Lawatan Sambil Belajar untuk murid-murid Tingkatan 5 yang akan menduduki peperiksaan SPM tahun 2025 ke beberapa tempat di Kota Kinabalu Sabah.

Antara tujuan lawatan diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada murid yang mengambil subjek elektif **Sains Rumahtangga, Pendidikan Seni Visual dan Perniagaan** untuk melihat sendiri peluang-peluang belajar yang ditawarkan di institusi-institusi pengajian yang terdapat di Kota Kinabalu serta memberi pengalaman langsung kepada murid untuk melihat peluang pilihan belajar khususnya dalam Bidang Seni Teknologi Kreatif, Bidang Kulinari dan

Pastri , Sains Rumahtangga dan Perniagaan.

Lawatan ini melibatkan 30 orang murid dan 4 orang guru. Antara tempat lawatan adalah seperti . Galeri Azman Hashim (GAH) Universiti Malaysia Sabah, Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTIF) UMS, Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS) , Taman Hidupan Liar Lok Kawi, Galeri dan Muzium Perubatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS, Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan UMS, Institut Kemahiran Belia dan Muzium Kesenian Islam.







Guru – guru yang terlibat dalam menjayakan program ini adalah Cikgu Jasmini Daud Guru Kanan Bidang Kemanusiaan selaku ketua program, Cikgu Roszillah Yahya guru kanan Bidang Votek selaku setiausaha program, Cikgu Rafeeza dan Cikgu Sazali kaunselor Sekolah, Cikgu Rosyidi Bin Bakri Ketua Panitia Subjek Perniagaan dan Cikgu Muhammad Bin Mad Junik Ketua Panitia Sains Rumahtangga.

Lawatan ini sangat bermakna kepada ahli rombongan kerana setiap tempat yang di lawati , kami disambut mesra dan diberi pelbagai input-input berguna terutamanya cara meneruskan pembelajaran ke bidang-bidang yang mereka inginkan berdasarkan elektif-elektif yang mereka pilih. Program lawatan ini membawa falsafah “ ***Jauh perjalanan, luas pemandangan, kreatif pemikiran demi kerjaya masa depan.*** “

Pihak sekolah merakamkan penghargaan terima kasih kepada pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan atas sokongan dan galakan yang diberikan. Tanpa sokongan dan kerjasama baik pihak jabatan sudah tentunya program berimpak positif ini tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Semoga program seperti ini boleh dilaksanakan lagi di masa akan datang demi kepentingan murid-murid.

Berita Oleh : SMK Ranche-Rancha







LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE KOTA KINABALU 2025

13 - 16 APRIL 2025



GALERI AZMI HASYIM, UMS
AKADEMI SENI & TEKNOLOGI UMS
KOLEJ TEKNOLOGI YAYASAN SABAH
INSTITUT KEMAHIRAN BELIA
BALAI SENI PENAMPANG
MUZIUM NEGERI SABAH
TAMAN HIDUPAN LIAR LOK KAWI

*"Jauh Perjalanan, Luas Pemandangan, Kreatif
Pemikiran Demi Kerjaya Masa Depan"*



ANJURAN

UNIT BIMBINGAN & KAUNSELING

BIDANG KEMANUSIAAN
(PANITIA PSV)

BIDANG VOKASIONAL & TEKNOLOGI
(PANITIA PERNIAGAAN & SRnT)